

**Isteri Timbalan Perdana Menteri Lawat Hospital Raja Permaisuri Bainun  
Bernama  
11 Februari , 2012**

IPOH, 11 Feb (Bernama) -- Isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman meluangkan masa kira-kira sejam melawat pesakit di Hospital Raja Permaisuri Bainun.

Dalam lawatan tersebut itu, beliau menyerahkan sumbangan buku kepada Perpustakaan Mini hospital berkenaan serta menyampaikan cenderahati ketika melawat wad kanak-kanak.

Walaupun mempunyai jadual yang amat padat, Noorainee yang diiringi Isteri Menteri Besar, Datin Seri Saripah Zulkifli sempat menemui kesemua pesakit dan petugas di wad berkenaan.

Terdahulu, Noorainie menghadiri Majlis Muhibbah Tahun Baru Cina yang diadakan di kediaman rasmi Menteri Besar, di sini.

Majlis diadakan dengan kerjasama Baiduri dan Persatuan kebajikan Ibu Tunggal Cina Perak turut dihadiri lebih 200 kanak-kanak termasuk ibu tunggal.

Di majlis itu, beliau menyampaikan cek sumbangan kerajaan negeri RM10,000 kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Kota Bahroe, dekat sini.

Dalam majlis itu, Noorainee menyampaikan sumbangan komputer riba kepada Persatuan Orang Istimewa Teluk Intan dan Persatuan Kebajikan Sayang Kinta.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645054>